

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2017

SOALAN

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan setakat manakah nilai skor Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia 2016 dan perbandingannya dengan IKK 2011 serta nyatakan dari segi implikasi gambaran kesejahteraan keluarga Malaysia secara keseluruhannya.

JAWAPAN

Semasa Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011 dilakukan terdapat tujuh (7) domain dan 23 indikator kesejahteraan keluarga dengan Skor indeks yang telah dicatatkan pada tahun tersebut adalah 7.55 daripada skala maksimum 10. Manakala Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2016 (IKK 2016) dengan lapan (8) domain dan 23 indikator telah mencatatkan nilai skor 7.33 daripada skala maksimum 10. Daripada lapan (8) domain yang terdapat di dalam IKK 2016, domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04 yang dikategorikan dalam tahap tinggi. Ini diikuti oleh domain Keselamatan Keluarga (7.96), domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), domain Kesihatan Keluarga (7.18), domain Ekonomi Keluarga (7.05), domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan domain Perumahan dan Persekitaran (6.24). Manakala bagi domain Perumahan dan Persekitaran (6.24) dan domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), skor yang dicatatkan adalah rendah. Walau bagaimanapun, kedua-dua domain ini masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan tahap kesejahteraan. Indeks ini merupakan indeks kedua yang dihasilkan selepas IKK 2011. Tuan Yang Dipertua, IKK 2016 telah dibangunkan mengikut keperluan semasa melalui penambahan domain dan pemurnian indikator. Berbeza daripada kajian pertama, IKK 2016 telah mengekalkan ketujuh-tujuh domain yang sedia terdapat dalam IKK 2011 selain mempunyai satu domain tambahan iaitu Keluarga dan Teknologi Komunikasi. Meskipun bilangan indikator masih sama dengan 23 indikator namun terdapat beberapa indikator sedia ada dalam IKK 2011 yang telah digugurkan daripada instrumen pengukuran IKK 2016. Selain itu, penetapan umur responden kajian bagi mengukur IKK 2016 juga adalah sedikit berbeza dengan IKK 2011 yang mana responden kajian bagi IKK 2016 adalah ibu bapa yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun sementara responden kajian bagi IKK 2011 adalah mereka yang mempunyai anak antara 13 hingga 24 tahun. Memandangkan terdapatnya beberapa perubahan pada indikator dan domain yang digunakan antara IKK 2011 dan IKK 2016 serta penetapan umur anak responden kajian bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga, perbandingan antara kedua-dua nilai skor (indeks/domain/indikator) IKK 2011 dan IKK 2016 tidak wajar dilakukan. Mengikut OECD (2013), alat uji pengukuran indeks yang konsisten perlu digunakan untuk membolehkan perbandingan indeks dapat dilakukan. Berdasarkan penemuan indeks terkini iaitu IKK 2016, secara keseluruhannya, Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berada di tahap sederhana. Berdasarkan penemuan ini, Kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha yang inovatif sebagai inisiatif bagi meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga hari ini melalui pelbagai kursus pemantapan keluarga seperti SMARTSTART, Parenting@Work, IlmuKeluarga@LPPKN, dan SMARTbelanja@LPPKN. Di samping itu, sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia (BKK1M) yang dilaksanakan sejak tahun 2012 hasil inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) mengiktiraf bulan November sebagai bulan keluarga. Kementerian melalui LPPKN juga telah mengorak selangkah ke hadapan dengan melaksanakan program pengukuhan institusi keluarga dan komuniti iaitu Projek Pembangunan Model Pengukuhan Keluarga dan Komuniti atau singkatannya (FACE: Family and Community Empowerment). Program yang dilaksanakan mengambil kira 8 domain IKK dan dilaksanakan secara integrasi dengan penglibatan pelbagai Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Sektor Korporat dan penduduk di komuniti. Tuan Yang Dipertua, Bagi memastikan matlamat yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke 11 (RMK-11) iaitu indeks kesejahteraan keluarga negara mencapai 8.0 menjelang tahun 2020, usaha berterusan dan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk terus meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga dari semasa ke semasa. Skor domain serta indikator yang diperolehi boleh dijadikan panduan dan input penting kepada para penggubal dasar dan perancang program untuk mereka bentuk strategi yang lebih efektif dan program yang tepat kepada sasarannya. Agensi Kerajaan, swasta, dan NGO haruslah berganding bahu bagi menjayakan agenda keluarga dan komuniti yang dirancang agar kesejahteraan keluarga dan masyarakat dapat dipertingkatkan.

